

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Pengunjung Seronok Sertai Semua Aktiviti di Festival Sains PSN 2013

1

PSN Catat Nama dalam *Malaysia Book of Records*

2

Pameran 'Science of Fear' Menghantui Pusat Sains Negara

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4



PENGUNJUNG SERONOK SERTAI SEMUA AKTIVITI DI FESTIVAL SAINS PSN 2013

Pusat Sains Negara sekali lagi telah menganjurkan Festival Sains pada 30 November dan berakhir pada 8 Disember 2013 yang lalu. Festival ini memberikan pengalaman hebat dengan pelbagai variasi pengisian yang mendapat perhatian dan sambutan hebat daripada orang ramai.

Festival Sains yang berlangsung selama sembilan hari ini memberikan peluang kepada orang awam pelbagai latar belakang dan usia untuk mengambil bahagian. Ia berfungsi sebagai titik tumpuan pelbagai acara bagi mempopularkan dan mengenengahkan pelbagai aktiviti sains yang cukup mengujakan.

Antara aktiviti yang telah dianjurkan adalah pameran bas bergerak daripada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Meteorologi dan Jabatan Bomba. Selain itu, turut diadakan program *Malaysia Toray Science Education Day*, persembahan *Science Show*, pertandingan *Foam Ultimate Launch*, *Challenge of the Day*, *Laser Tag Battlefield* dan juga *Science Busking*.

Di samping itu, Festival Sains 2013 turut dimeriahkan dengan aktiviti-aktiviti luar yang seronok dan mencabar seperti *Giant Bubbles* serta *Potato Gun: Aim and Shoot*.



Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Perstarian Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401
W : www.psn.gov.my
Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

PSN CATAT NAMA DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS

Pada 4 Disember yang lalu, Pusat Sains Negara telah menempa nama dalam *Malaysia Book of Records* apabila berjaya menganjurkan program *Malaysia Butterfly Project* sempena Festival Sains PSN 2013.

Program ini telah mencipta satu rekod Malaysia yang baharu sebagai 'Most Number of Butterfly Specimen Created in a Single Event' apabila mendapat penyertaan daripada 400 orang peserta yang terdiri daripada kanak-kanak tadika, pelajar sekolah, pelajar IPT serta daripada kalangan ibu-bapa.

Dalam program tersebut, para peserta terlebih dahulu diberikan taklimat mengenai kitaran hidup rama-rama serta jenis-jenisnya. Kemudian, mereka ditugaskan untuk mengawet rama-rama tersebut dan seterusnya memasukkan ke dalam bekas yang telah disediakan.

Melalui program sebegini, para peserta telah diberi pendedahan mengenai hidupan dan diharap dapat memberikan kesedaran kepada semua dalam memelihara alam sekitar.



PAMERAN 'SCIENCE OF FEAR' MENGHANTUI PUSAT SAINS NEGARA

Pusat Sains Negara telah membawa satu pameran terbaru pada akhir tahun 2013 iaitu 'Science of Fear'. Pameran yang dibawa dari Jepun ini merupakan salah satu pameran yang dihasilkan oleh syarikat Kokoro.

Pameran yang membawakan tema 'ketakutan' ini bertujuan untuk menyingkap dan meleraikan persoalan tentang kewujudan perasaan takut dalam otak manusia. Penerangan serta penjelasan yang terperinci mengenai ketakutan akan didedahkan melalui maklumat-maklumat yang dipaparkan kepada pengunjung yang masuk ke pameran ini.

Di samping itu, pengunjung juga berpeluang untuk melihat sendiri beberapa jenis replika hantu bagi mencetus serta menimbulkan perasaan takut mereka sepanjang perjalanan mereka di dalam galeri pameran ini. Antaranya seperti jerangkung, toyol, pocong serta hantu penanggal.

Pameran ini mula dibuka kepada pengunjung pada 30 Disember 2013 bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur dan akan berakhir pada 30 April 2014. Harga tiket bagi pameran ini ialah RM8 bagi dewasa dan RM5 bagi pelajar sekolah.

Untuk sebarang matlumut lanjut mengenai pameran ini boleh menghubungi talian tetap Pusat Sains Negara atau melalui laman web serta facebook Pusat Sains Negara.

MALAYSIA TORAY SCIENCE EDUCATION DAY

30 November 2013
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur



PSN MEGA SLINKY SNAKE FOAM

6 Disember 2013
Pusat Sains Negara,
Kuala Lumpur



PROGRAM OUTREACH PERKAMPUNGAN SAINS

22-25 November 2013
Taman Pertanian Sekayu,
Terengganu



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Gajah merupakan satu-satunya

mamalia yang tidak boleh melompat

kerana haiwan ini tidak mempunyai

tempurung lutut.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG


PAMERAN
1001 INVENTIONS

31 Ogos 2013 - 28 Februari 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PAMERAN
'SCIENCE OF FEAR'

30 Disember 2013 - 30 April 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



KECEMERLANGAN SAINS DALAM TAMADUN ISLAM: SAINS ISLAM MENDAHULUI ZAMAN

Buku yang dihasilkan oleh Fuat Sezgin ini merupakan sebuah katalog yang dipenuhi dengan fakta menarik mengenai zaman kegemilangan Tamadun Islam. Ia mengupas mengenai pencapaian ilmu sains oleh ilmuan-ilmuan di zaman kegemilangan Islam suatu ketika dahulu. Di samping itu, buku ini juga merupakan salah satu bahan rujukan sains menarik untuk panduan kita semua .

★ JAMBATAN LENGKUNG ★



FUNGSI

Bahan pameran ini memberikan peluang kepada pelawat untuk membina sebuah jambatan lengkung menggunakan blok bersudut bagi membentuk sebuah gerbang yang jelas menggambarkan kestabilan struktur jambatan tersebut. Tahukah anda bahawa struktur jambatan lengkung adalah lebih stabil berbanding dengan jambatan rata?